
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU
TAHUN 2025

UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU
KERTAS 3
(1103/3)

TAKSIRAN INDIVIDU

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 1

NASKHAH CALON

PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Pandemik Covid-19 yang disusuli Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 mendorong pengusaha perniagaan untuk mengendalikan perniagaan mereka secara dalam talian. Ramai pengusaha restoran, pasar raya dan kedai-kedai menawarkan pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan kepada pengguna secara dalam talian. Bahkan, walaupun pandemik sudah lama berlalu ramai pengusaha perniagaan yang meneruskan perniagaan dalam talian mereka kerana perniagaan di platform digital ini membolehkan mereka mengakses kepada pasaran yang lebih besar dan luas. Perniagaan dalam talian pastinya memberikan cabaran kepada para pengusaha perniagaan kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan penggunaan gajet serta platform jual beli dalam talian. Mereka juga perlu merangka strategi, proses dan infrastruktur perniagaan yang betul untuk menyokong perniagaan mereka ke transformasi digital. Langkah besar-besaran yang diambil oleh para pengusaha perniagaan ini sekali gus dapat menghasilkan pendapatan yang lebih berpotensi tinggi dan sejajar dengan aspirasi Revolusi Industri 4.0 di Malaysia.

(Dipetik dan diubah suai daripada “*Perniagaan dalam Talian Tumbuh Pesat*”, oleh Bernama, 15 Januari 2021, <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/664332/perniagaan-dalam-talian-tumbuh-pesat>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 1

NASKAH PENTAKSIR

PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Pandemik Covid-19 yang disusuli Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 mendorong pengusaha perniagaan untuk mengendalikan perniagaan mereka secara dalam talian. **Ramai pengusaha restoran, pasar raya dan kedai-kedai menawarkan pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan kepada pengguna secara dalam talian.** Bahkan, walaupun pandemik sudah lama berlalu ramai pengusaha perniagaan yang meneruskan perniagaan dalam talian mereka kerana perniagaan di platform digital ini membolehkan mereka mengakses kepada pasaran yang lebih besar dan luas. **Perniagaan dalam talian pastinya memberikan cabaran kepada para pengusaha perniagaan kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan penggunaan gajet serta platform jual beli dalam talian. Mereka juga perlu merangka strategi, proses dan infrastruktur perniagaan yang betul untuk menyokong perniagaan mereka ke transformasi digital.** Langkah besar-besaran yang diambil oleh para pengusaha perniagaan ini sekali gus dapat menghasilkan pendapatan yang lebih berpotensi tinggi dan sejajar dengan aspirasi Revolusi Industri 4.0 di Malaysia.

(Dipetik dan diubah suai daripada “*Perniagaan dalam Talian Tumbuh Pesat*”, oleh Bernama, 15 Januari 2021, <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/664332/perniagaan-dalam-talian-tumbuh-pesat>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang ditawarkan oleh pengusaha perniagaan kepada pengguna secara dalam talian?
2. Nyatakan cabaran perniagaan dalam talian kepada pengusaha perniagaan.
3. Apakah kelebihan jual beli dalam talian kepada pengguna?
4. Jual beli dalam talian juga ada kelemahannya. Ulaskan.

SET 1

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Yang ditawarkan oleh pengusaha peniagaan kepada pengguna secara dalam talian ialah **pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan.**
2. Cabaran perniagaan dalam talian kepada pengusaha perniagaan:
 - i. **Mereka perlu menyesuaikan diri dengan penggunaan gajet serta platform jual beli dalam talian.**
 - ii. **Mereka juga perlu merangka strategi, proses dan infrastruktur perniagaan yang betul untuk menyokong perniagaan mereka ke transformasi digital.**
3. Kelebihan jual beli dalam talian kepada pengguna:
 - i. **Urusan jual beli mudah dan cepat.**
 - ii. **Aplikasi jual beli dalam talian boleh diakses pada bila-bila masa.**
 - iii. **Mempunyai pelbagai pilihan produk.**
 - iv. **Harga produk dalam talian lebih berpatutan.**
 - v. **Produk mempamerkan maklumat produk yang lengkap.**
 - vi. **Boleh membuat perbandingan harga di banyak kedai tanpa perlu berpenat lelah.**
 - vii. **Memudahkan pengguna membuat keputusan sebelum membeli.**
 - viii. **Menjimatkan masa dan kos pengangkutan ke kedai.**
 - ix. **Aplikasi jual beli dalam talian selalu mengadakan promosi dan memberikan baucar.**
 - x. **Pengguna dapat membaca ulasan pengguna lain sebelum mengambil keputusan untuk membeli produk.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Kelemahan jual beli dalam talian:
 - i. **Kepada pengusaha perniagaan:**
 - **Persaingan yang sengit dengan kedai-kedai lain sama ada dalam negara atau luar negara.**
 - **Kos penghantaran dan logistik yang tinggi.**
 - **Terpaksa berhadapan dengan risiko penipuan atau pelanggan tidak jujur.**
 - ii. **Kepada pengguna:**
 - **Risiko penipuan seperti barang tidak dihantar atau tidak sama seperti yang dipesan.**
 - **Kos penghantaran yang mahal dan masa menunggu yang lama.**
 - **Pengalaman berbelanja yang kurang memuaskan kerana tidak dapat melihat dan memegang produk yang diinginkan.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 2

NASKHAH CALON

PERSEKITARAN SEKOLAH SELAMAT

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan membabitkan infrastruktur dan bangunan di semua sekolah bagi memastikan warga sekolah sentiasa dalam keadaan selamat. Persekitaran sekolah yang selamat juga penting bagi memastikan murid di sekolah berasa selesa untuk mengikuti sesi pembelajaran mereka. Sekolah yang selamat bukan sahaja bebas daripada perlakuan negatif bahkan bebas daripada persekitaran yang tidak selamat. Peralatan, kemudahan serta infrastruktur sekolah yang rosak, uzur dan tidak diselenggara dikhawatiri akan meningkatkan risiko kemalangan terutamanya dalam kalangan murid. Bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini, KPM mengambil langkah dengan mengarahkan semua sekolah melakukan penilaian risiko bagi memastikan semua infrastruktur sekolah berada dalam keadaan selamat untuk digunakan. Alat pemadam api perlu disediakan di sekitar kawasan sekolah dan dinilai semula kefungsiannya. Infrastruktur kelas seperti kipas, lampu yang tidak berfungsi dan perabot yang telah uzur juga mestilah digantikan dengan yang baharu.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Laksanakan Audit Keselamatan Di Sekolah Dengan Segera Dan Berkala*”, oleh Ts Mohd Soffian Osman, Astro Awani, 25 Oktober 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-laksanakan-audit-keselamatan-di-sekolah-dengan-segera-dan-berkala-387580>)

PERSEKITARAN SEKOLAH SELAMAT

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan membabitkan infrastruktur dan bangunan di semua sekolah bagi **memastikan warga sekolah sentiasa dalam keadaan selamat. Persekitaran sekolah yang selamat juga penting bagi memastikan murid di sekolah berasa selesa untuk mengikuti sesi pembelajaran mereka.** Sekolah yang selamat bukan sahaja bebas daripada perlakuan negatif bahkan bebas daripada persekitaran yang tidak selamat. Peralatan, kemudahan serta infrastruktur sekolah yang rosak, uzur dan tidak diselenggara dikhuatiri akan meningkatkan risiko kemalangan terutamanya dalam kalangan murid. **Bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini, KPM mengambil langkah dengan mengarahkan semua sekolah melakukan penilaian risiko bagi memastikan semua infrastruktur sekolah berada dalam keadaan selamat untuk digunakan. Alat pemadam api perlu disediakan di sekitar kawasan sekolah dan dinilai semula kefungsiannya. Infrastruktur kelas seperti kipas, lampu yang tidak berfungsi dan perabot yang telah uzur juga mestilah digantikan dengan yang baharu.**

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Laksanakan Audit Keselamatan Di Sekolah Dengan Segera Dan Berkala*”, oleh Ts Mohd Soffian Osman, Astro Awani, 25 Oktober 2022, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-laksanakan-audit-keselamatan-di-sekolah-dengan-segera-dan-berkala-387580>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan kepentingan persekitaran sekolah yang selamat.
2. Apakah langkah yang diambil oleh KPM untuk mengelakkan tragedi di sekolah?
3. Apakah cabaran mewujudkan sekolah selamat selain daripada infrastruktur yang rosak dan uzur?
4. Huraikan tindakan anda jika anda melihat infrastruktur yang rosak dan uzur di kawasan sekolah.

SET 2

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Kepentingan persekitaran sekolah yang selamat:
 - i. **Memastikan warga sekolah sentiasa dalam keadaan selamat.**
 - ii. **Memastikan murid di sekolah berasa selesa untuk mengikuti sesi pembelajaran mereka.**

2. Langkah yang diambil oleh KPM untuk mengelakkan tragedi di sekolah:
 - i. **Mengarahkan semua sekolah melakukan penilaian risiko bagi memastikan semua infrastruktur sekolah berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.**
 - ii. **Alat pemadam api perlu disediakan di sekitar kawasan sekolah dan dinilai semula kefungsiannya.**
 - iii. **Infrastruktur kelas seperti kipas, lampu yang tidak berfungsi dan perabot yang telah uzur juga mestilah digantikan dengan yang baharu.**

3. Cabaran mewujudkan sekolah selamat selain daripada infrastruktur yang rosak dan uzur:
 - i. **Masalah disiplin murid yang boleh menimbulkan pergaduhan.**
 - ii. **Kekurangan pegawai keselamatan.**
 - iii. **Sikap murid yang suka merosakkan harta benda sekolah.**
 - iv. **Kurangnya kesedaran keselamatan dalam kalangan murid dan warga sekolah.**
 - v. **Pengaruh luar yang negatif seperti gengsterisme.**
 - vi. **Kurangnya kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa berkenaan tingkah laku murid.**
 - vii. **Tindak balas yang lambat terhadap insiden keselamatan**
 - viii. **Kurang sokongan daripada ibu bapa dan komuniti dalam usaha menambah baik infrastruktur sekolah.**
 - ix. **Kekurangan dana untuk menyelenggara kemudahan sekolah.**

**** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima***

4. Tindakan saya jika melihat infrastruktur yang rosak dan uzur di kawasan sekolah:
 - i. **Melaporkan kepada guru atau pihak pentadbiran sekolah.**
 - ii. **Menjauhi kawasan yang rosak bagi mengelakkan kemalangan.**
 - iii. **Menasihati rakan-rakan supaya tidak bermain di kawasan tersebut.**
 - iv. **Mengambil gambar sebagai bukti untuk laporan.**
 - v. **Mencadangkan pembaikan melalui pengawas atau Majlis Perwakilan Pelajar.**
 - vi. **Menyertai gotong-royong yang diadakan untuk membaiki atau membersihkan kawasan rosak.**

**** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima***

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 3

NASKHAH CALON

JALUR GEMILANG

Bendera merupakan lambang kepimpinan dan simbol penghormatan bagi sesebuah negara. Setiap negara mempunyai bendera masing-masing. Di Malaysia, Jalur Gemilang ialah bendera yang menjadi kebanggaan negara. Reka bentuk Jalur Gemilang telah diilhamkan oleh Encik Mohamed bin Hamzah, seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. Empat belas jalur merah dan putih yang berselang-seli serta bintang pecah empat belas berwarna kuning melambangkan perpaduan tiga belas negeri di Malaysia serta Wilayah Persekutuan. Simbol bulan sabit pula melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara, sementara warna merah, putih, biru dan kuning masing-masing melambangkan keberanian, kesucian, perpaduan dan kedaulatan Raja Berpelembagaan. Lazimnya, pada tanggal 31 Ogos setiap tahun, kita akan melihat Jalur Gemilang berkibar megah menghiasi bangunan-bangunan awam dan swasta serta premis perniagaan sebagai tanda patriotisme terhadap negara. Sehingga kini, Jalur Gemilang masih menjadi pembakar semangat rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Jalur Gemilang*”, oleh Kalemon.com, <https://kalemon.my/2024/08/05/apa-maksud-jalur-gemilang/>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 3

NASKHAH PENTAKSIR

JALUR GEMILANG

Bendera merupakan lambang kepimpinan dan simbol penghormatan bagi sesebuah negara. Setiap negara mempunyai bendera masing-masing. Di Malaysia, Jalur Gemilang ialah bendera yang menjadi kebanggaan negara. **Reka bentuk Jalur Gemilang telah diilhamkan oleh Encik Mohamed bin Hamzah, seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor.** Empat belas jalur merah dan putih yang berselang-seli serta bintang pecah empat belas berwarna kuning melambangkan perpaduan tiga belas negeri di Malaysia serta Wilayah Persekutuan. Simbol bulan sabit pula melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara, sementara warna merah, putih, biru dan kuning masing-masing melambangkan keberanian, kesucian, perpaduan dan kedaulatan Raja Berpelembagaan. **Lazimnya, pada tanggal 31 Ogos setiap tahun, kita akan melihat Jalur Gemilang berkibar megah menghiasi bangunan-bangunan awam dan swasta serta premis perniagaan sebagai tanda patriotisme terhadap negara.** Sehingga kini, Jalur Gemilang masih **menjadi pembakar semangat rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.**

(Dipetik dan diubahsuai daripada “Jalur Gemilang”, oleh Kalemon.com, <https://kalemon.my/2024/08/05/apa-maksud-jalur-gemilang/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Siapakah yang mengilhamkan reka bentuk Jalur Gemilang?
2. Mengapakah Jalur Gemilang dikibarkan?
3. Apakah faktor generasi muda kini kurang menghormati Jalur Gemilang?
4. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah cara anda menghormati Jalur Gemilang?

SET 3

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Yang mengilhamkan reka bentuk Jalur Gemilang ialah **Encik Mohamed bin Hamzah, seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor.**
2. Jalur Gemilang dikibarkan kerana:
 - i. **Tanda patriotisme terhadap negara penanamannya yang sangat mudah iaitu sayur-sayuran boleh ditanam di tepi rumah, di beranda rumah atau di dalam pasu sahaja.**
 - ii. **Menjadi pembakar semangat rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.**
3. Faktor generasi muda kini kurang menghormati Jalur Gemilang:
 - i. **Kurangnya semangat patriotisme dalam diri generasi muda.**
 - ii. **Pengaruh budaya luar yang keterlaluan sehingga menyebabkan simbol negara dipandang remeh.**
 - iii. **Pendidikan sivik dan sejarah yang kurang berkesan.**
 - iv. **Kurangnya penghayatan semasa sambutan Hari Kebangsaan.**
 - v. **Menganggap mengibarkan bendera sebagai perkara yang remeh.**
 - vi. **Kurangnya pendedahan dari keluarga dan masyarakat.**
 - vii. **Kandungan hiburan di media sosial mendominasi pemikiran remaja.**
 - viii. **Kurangnya kempen kerajaan berkenaan kepentingan menghormati Jalur Gemilang.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Cara saya menghormati Jalur Gemilang:
 - i. **Tidak meletakkan Jalur Gemilang di atas tanah.**
 - ii. **Tidak membiarkan Jalur Gemilang meleret ke tanah ketika menurunkannya.**
 - iii. **Tidak menggunakan Jalur Gemilang sebagai alas meja atau penutup sesuatu benda kecuali sebagai tanda penghormatan.**
 - iv. **Tali bendera hendaklah sentiasa diperiksa dan memastikannya teguh serta tidak mudah putus.**
 - v. **Tidak mengelap tangan kotor dengan Jalur Gemilang.**
 - vi. **Menggantungkan bendera di tempat yang tinggi.**
 - vii. **Tidak memijak Jalur Gemilang.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 4

NASKHAH PENTAKSIR

PERABOT ROTAN INDUSTRI TRADISIONAL NEGARA

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan pelbagai spesies rotan. Setiap spesies rotan memiliki kegunaan dan nilai pasaran yang tersendiri. Di Malaysia, perabot rotan dianggap sebagai perabot penting dan berharga pada pertengahan hingga akhir abad ke-20. Hampir setiap rumah mempunyai perabot rotan buatan tangan seperti sofa rotan, kerusi rotan dan meja kopi rotan. Keunikan perabot rotan yang mudah dijaga, kalis air, tahan panas dan ringan menjadikannya sangat sesuai digunakan di negara tropika seperti Malaysia. Namun, kemajuan teknologi dan perubahan zaman menyaksikan industri tradisional Malaysia ini beransur-ansur merosot. Buktinya, perabot rotan yang popular pada akhir abad lalu kini tidak lagi menjadi pilihan masyarakat Malaysia. Sebaliknya, masyarakat kini lebih tertarik untuk mendapatkan perabot kayu dan plastik kerana harganya yang lebih murah selain daripada reka bentuknya yang berwarna-warni dan lebih pelbagai. Situasi ini secara tidak langsung akan membunuh industri rotan negara secara perlahan-lahan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "*Perkembangan Industri Rotan*",
<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/karya-kampus/perkembangan-industri-rotan?utm>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 4

NASKHAH PENTAKSIR

PERABOT ROTAN INDUSTRI TRADISIONAL NEGARA

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan pelbagai spesies rotan. Setiap spesies rotan memiliki kegunaan dan nilai pasaran yang tersendiri. Di Malaysia, perabot rotan dianggap sebagai perabot penting dan berharga pada pertengahan hingga akhir abad ke-20. Hampir setiap rumah mempunyai perabot rotan buatan tangan seperti sofa rotan, kerusi rotan dan meja kopi rotan. **Keunikan perabot rotan yang mudah dijaga, kalis air, tahan panas dan ringan** menjadikannya sangat sesuai digunakan di negara tropika seperti Malaysia. Namun, kemajuan teknologi dan perubahan zaman menyaksikan industri tradisional Malaysia ini beransur-ansur merosot. Buktinya, perabot rotan yang popular pada akhir abad lalu kini tidak lagi menjadi pilihan masyarakat Malaysia. **Sebaliknya, masyarakat kini lebih tertarik untuk mendapatkan perabot kayu dan plastik kerana harganya yang lebih murah selain daripada reka bentuknya yang berwarna-warni dan lebih pelbagai**. Situasi ini secara tidak langsung akan membunuh industri rotan negara secara perlahan-lahan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Perkembangan Industri Rotan*”,
<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/karya-kampus/perkembangan-industri-rotan?utm>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Senaraikan keunikan-keunikan perabot rotan.
2. Mengapakah perabot rotan tidak lagi menjadi pilihan masyarakat Malaysia?
3. Apakah kepentingan industri rotan kepada negara?
4. Huraikan usaha pelbagai pihak bagi mempopularkan kembali industri rotan negara.

SET 4

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Keunikan-keunikan perabot rotan ialah **mudah dijaga, kalis air, tahan panas dan ringan.**
2. Perabot rotan tidak lagi menjadi pilihan masyarakat Malaysia **disebabkan masyarakat kini lebih tertarik untuk mendapatkan perabot kayu dan plastik kerana harganya yang lebih murah selain daripada reka bentuknya yang berwarna-warni dan lebih pelbagai.**
3. Kepentingan industri rotan kepada negara:
 - i. **Menjana pendapatan negara.**
 - ii. **Mewujudkan peluang pekerjaan.**
 - iii. **Menyokong pembangunan luar bandar.**
 - iv. **Menggalakkan keusahawanan tempatan.**
 - v. **Melestarikan warisan budaya dan seni tradisional.**
 - vi. **Mengurangkan kebergantungan kepada produk import.**
 - vii. **Meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Usaha pelbagai pihak bagi mempopularkan kembali industri rotan negara:
 - viii. **Masyarakat membeli produk rotan tempatan.**
 - ix. **Masyarakat mempromosikan produk rotan negara di media sosial.**
 - x. **Pihak sekolah mengajar asas pembuatan produk rotan di sekolah.**
 - xi. **Ibu bapa membawa anak-anak ke pameran produk rotan.**
 - xii. **Pengusaha perabot rotan menghasilkan perabot rotan yang lebih moden dan bergaya.**
 - xiii. **Pengusaha perabot rotan mempromosikan jualan melalui media sosial.**
 - xiv. **Kerajaan mengadakan pameran dan ekspo perabot rotan secara besar-besaran.**
 - xv. **Agensi kerajaan memberikan bantuan seperti latihan dan pinjaman kepada pengusaha perabot rotan.**
 - xvi. **Kerajaan memperkasa kempen Belilah Produk Tempatan.**
 - xvii. **Masyarakat menjadikan perabot rotan sebagai hiasan atau sebagai hadiah.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 5

NASKHAH CALON

KITAR SEMULA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Sambutan masyarakat Malaysia terhadap kempen kitar semula yang dilaksanakan oleh kerajaan masih rendah. Kempen ini dilaksanakan bertujuan memastikan 40 peratus sisa buangan negara dapat digunakan semula pada tahun 2025. Namun, Statistik Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) merekodkan kadar kitar semula di Malaysia kini hanya mencapai 31.52 peratus sahaja berbanding kebanyakan negara maju yang mencatatkan sekurang-kurangnya 60 peratus. Impaknya, Malaysia kerugian kira-kira RM476 juta setahun dalam konteks pendapatan negara kerana sumber kitar semula adalah salah satu industri bernilai negara. Menurut JPSPN, bahan kertas merupakan sisa terbuang paling banyak di tapak pelupusan diikuti dengan plastik. Walaupun begitu, ada juga kajian yang menunjukkan tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap kepentingan pengurangan sisa ke tapak pelupusan dan impaknya terhadap kelestarian alam adalah tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sebenarnya mempunyai kesedaran berkaitan amalan kitar semula namun tiada komitmen yang jitu.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Amalan Kitar Semula di Malaysia Masih Rendah*”, BH Online, <https://mediapermata.com.bn/amalan-kitar-semula-di-msia-masih-rendah/>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 5

NASKHAH PENTAKSIR

KITAR SEMULA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Sambutan masyarakat Malaysia terhadap kempen kitar semula yang dilaksanakan oleh kerajaan masih rendah. **Kempen ini dilaksanakan bertujuan memastikan 40 peratus sisa buangan negara dapat digunakan semula pada tahun 2025.** Namun, Statistik Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) merekodkan kadar kitar semula di Malaysia kini hanya mencapai 31.52 peratus sahaja berbanding kebanyakan negara maju yang mencatatkan sekurang-kurangnya 60 peratus. Impaknya, Malaysia kerugian kira-kira RM476 juta setahun dalam konteks pendapatan negara kerana sumber kitar semula adalah salah satu industri bernilai negara. **Menurut JPSPN, bahan kertas merupakan sisa terbuang paling banyak di tapak pelupusan diikuti dengan plastik.** Walaupun begitu, ada juga kajian yang menunjukkan tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap kepentingan pengurangan sisa ke tapak pelupusan dan impaknya terhadap kelestarian alam adalah tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sebenarnya mempunyai kesedaran berkaitan amalan kitar semula namun tiada komitmen yang jitu.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Amalan Kitar Semula di Malaysia Masih Rendah*”, BH Online, <https://mediapermata.com.bn/amalan-kitar-semula-di-msia-masih-rendah/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Senaraikan sisa terbuang yang terdapat di tapak pelupusan.
2. Apakah tujuan kempen kitar semula dilaksanakan?
3. Mengapakah rakyat Malaysia masih kurang mengamalkan amalan kitar semula dalam kehidupan?
4. Ulaskan kesan jika amalan kitar semula tidak diamalkan di Malaysia.

SET 5

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Sisa terbuang yang terdapat di tapak pelupusan ialah **bahan kertas dan plastik.**
2. Tujuan kempen kitar semula dilaksanakan adalah **untuk memastikan 40 peratus sisa buangan negara dapat digunakan semula pada tahun 2025.**
3. Rakyat Malaysia masih kurang mengamalkan amalan kitar semula dalam kehidupan kerana:
 - i. **Sikap dan mentaliti masyarakat yang menganggap kitar semula tidak penting.**
 - ii. **Kemudahan tong kitar semula yang terhad.**
 - iii. **Wujud kekeliruan tentang barangan yang boleh dikitar semula.**
 - iv. **Kesibukan dan kekangan masa untuk mengitar semula.**
 - v. **Penguatkuasaan yang masih longgar dan lemah.**
 - vi. **Dasar dan kempen kitar semula yang tidak konsisten dan bermusim.**
 - vii. **Masyarakat tidak sedar akan kesan pencemaran atau pembaziran secara langsung dalam kehidupan mereka.**
 - viii. **Kurang didikan atau dorongan keluarga.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Kesan jika amalan kitar semula tidak diamalkan di Malaysia:
 - i. **Jumlah sisa buangan akan meningkat secara drastik.**
 - ii. **Tapak pelupusan sampah semakin banyak.**
 - iii. **Kesihatan manusia terancam.**
 - iv. **Pencemaran air dan udara meningkat.**
 - v. **Permintaan terhadap sumber semula jadi seperti kayu, air dan logam akan meningkat.**
 - vi. **Penebangan hutan berleluasa.**
 - vii. **Masyarakat akan membuang sampah merata-rata.**
 - viii. **Negara akan menjadi kotor.**
 - ix. **Membawa imej negatif kepada pelancong asing.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 6

NASKHAH CALON

SASTERAWAN NEGARA

Sasterawan Negara merupakan gelaran yang diberikan kepada penulis sastra Melayu yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang sastra di Malaysia. Anugerah ini diberikan oleh kerajaan Malaysia yang ditunjangi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sasterawan adalah pemikir bangsa yang mencetuskan pemikirannya melalui karya-karya sastra sama ada dalam bentuk novel, cerpen, drama, puisi dan esei. Malangnya, kebanyakan masyarakat Malaysia tidak serius menghayati dan mendalami hasil-hasil karya Sasterawan Negara. Terdapat beberapa faktor karya Sasterawan Negara kurang dibaca dan dimanfaatkan dalam kehidupan masyarakat. Antaranya, sikap malas membaca dan meneroka mesej yang tersirat dalam karya-karya sastra menyebabkan pembaca tidak dapat menghayati ketertinggian pemikiran penulis. Rasa takut untuk membaca novel, cerpen, drama dan puisi hasil karya Sasterawan Negara kerana dianggap sukar difahami juga merupakan faktornya. Sungguhpun demikian, karya-karya ini sangat berguna sebagai buah fikiran yang boleh ditinggalkan kepada generasi akan datang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Sasterawan Negara*”, oleh Cikgu Kini, 11 Mei 2023, <https://dewansastra.jendeladbp.my/2023/11/03/11621>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 6

NASKHAH PENTAKSIR

SASTERAWAN NEGARA

Sasterawan Negara merupakan gelaran yang diberikan kepada penulis sastera Melayu yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang sastera di Malaysia. Anugerah ini diberikan oleh kerajaan Malaysia yang ditunjangi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sasterawan adalah pemikir bangsa yang mencetuskan pemikirannya melalui karya-karya sastera sama ada dalam bentuk novel, cerpen, drama, puisi dan esei. Malangnya, kebanyakan masyarakat Malaysia tidak serius menghayati dan mendalami hasil-hasil karya Sasterawan Negara. Terdapat beberapa faktor karya Sasterawan Negara kurang dibaca dan dimanfaatkan dalam kehidupan masyarakat. Antaranya, sikap malas membaca dan meneroka mesej yang tersirat dalam karya-karya sastera menyebabkan pembaca tidak dapat menghayati ketertinggian pemikiran penulis. Rasa takut untuk membaca novel, cerpen, drama dan puisi hasil karya Sasterawan Negara kerana dianggap sukar difahami juga merupakan faktornya. Sungguhpun demikian, karya-karya ini sangat berguna sebagai buah fikiran yang boleh ditinggalkan kepada generasi akan datang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “Sasterawan Negara”, oleh Cikgu Kini, 11 Mei 2023, <https://dewansastera.jendeladbpm.my/2023/11/03/11621>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Siapakah Sasterawan Negara?
2. Apakah faktor-faktor karya Sasterawan Negara semakin kurang dibaca dan dimanfaatkan dalam kehidupan masyarakat?
3. Bagaimanakah cara menarik minat remaja supaya membaca karya sastera?
4. Huraikan kesan jika kesusasteraan Melayu terus terpinggir.

SET 6

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Sasterawan Negara merupakan gelaran yang diberikan kepada penulis sastera Melayu yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang sastera di Malaysia.
2. Faktor-faktor karya Sasterawan Negara semakin kurang dibaca dan dimanfaatkan dalam kehidupan masyarakat:
 - i. Sikap malas membaca dan meneroka mesej yang tersirat dalam karya-karya sastera menyebabkan pembaca tidak dapat menghayati keteringgian pemikiran penulis.
 - ii. Rasa takut untuk membaca novel, cerpen, drama dan puisi hasil karya Sasterawan Negara kerana dianggap sukar difahami.
3. Cara menarik minat remaja supaya membaca karya sastera:
 - i. Jadikan membaca karya sastera sebagai aktiviti yang menyeronokkan di rumah.
 - ii. Penulisan karya sastera perlulah dikaitkan dengan kehidupan remaja.
 - iii. Pihak kerajaan menganjurkan bengkel penulisan kreatif.
 - iv. Pihak kerajaan mengadakan pertandingan menulis karya sastera.
 - v. Penulis dan penerbit karya sastera menghasilkan karya sastera yang lebih ringan sesuai untuk bacaan remaja.
 - vi. Pihak pengelola pesta buku mengundang penulis karya sastera untuk berkongsi pengalaman.
 - vii. Galakan dan sokongan ibu bapa dalam memupuk minat membaca karya sastera dalam diri anak-anak.
 - xi. Ibu bapa perlu menjadi contoh kepada anak-anak.
 - xii. Media massa menyiarkan drama-drama adaptasi karya sastera.

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Kesan jika kesusasteraan Melayu terus terpinggir:
 - i. Kurangnya permintaan karya sastera Melayu.
 - ii. Penggunaan bahasa sastera Melayu yang puitis semakin kurang.
 - iii. Subjek sastera Melayu tidak lagi menjadi keutamaan dalam pemilihan kursus ke universiti.
 - iv. Media cetak semakin kurang memaparkan bahan berunsur sastera.
 - v. Pihak sekolah tidak lagi menawarkan subjek sastera Melayu.
 - vi. Kesusasteraan Melayu semakin hilang nilai budayanya.
 - vii. Semangat cinta akan negara melalui karya-karya sastera Melayu semakin terhakis.

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 7

NASKHAH CALON

FAHAMI HAK PENGGUNA

Kebajikan pengguna di Malaysia masih jauh daripada apa yang dihasratkan jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Sebagai pengguna yang prihatin berkenaan isu kenaikan harga, kita sepatutnya berhak untuk melaporkan sebarang keraguan yang tidak munasabah ke atas sesuatu harga produk atau perkhidmatan kepada pihak berwajib. Sekiranya tiada sebarang aduan dikemukakan, para peniaga akan semakin berani melakukan penipuan dan penyelewengan harga secara terang-terangan. Sebagai pengguna, kita juga perlu sentiasa melindungi diri daripada ditindas oleh peniaga. Antara langkahnya, pengguna perlu mendapatkan maklumat yang secukupnya mengenai barangan dan perkhidmatan yang akan dibeli dan digunakan. Para pengguna juga perlu membuat aduan terhadap peniaga-peniaga yang didapati menipu dan menindas pembeli. Selain itu, bagi mengelakkan daripada ditipu, para pengguna seharusnya memilih premis perniagaan yang dipercayai dan diyakini amanah. Kita sebagai pengguna perlu peka terhadap perkara sebegini supaya tidak terus menjadi mangsa dalam urusan jual beli.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "*Fahami Hak Pengguna dan Peniaga*" oleh Pn Noor Hartini Binti Saari, 3 November 2015, <https://www.ikim.gov.my/fahami-hak-pengguna-dan-peniaga/>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 7

NASKHAH PENTAKSIR

FAHAMI HAK PENGGUNA

Kebajikan pengguna di Malaysia masih jauh daripada apa yang dihasratkan jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Sebagai pengguna yang prihatin berkenaan isu kenaikan harga, kita sepatutnya berhak untuk melaporkan sebarang keraguan yang tidak munasabah ke atas sesuatu harga produk atau perkhidmatan kepada pihak berwajib. **Sekiranya tiada sebarang aduan dikemukakan, para peniaga akan semakin berani melakukan penipuan dan penyelewengan harga secara terang-terangan.** Sebagai pengguna, kita juga perlu sentiasa melindungi diri daripada ditindas oleh peniaga. **Antara langkahnya, pengguna perlu mendapatkan maklumat yang secukupnya mengenai barangan dan perkhidmatan yang akan dibeli dan digunakan. Para pengguna juga perlu membuat aduan terhadap peniaga-peniaga yang didapati menipu dan menindas pembeli. Selain itu, bagi mengelakkan daripada ditipu, para pengguna seharusnya memilih premis perniagaan yang dipercayai dan diyakini amanah.** Kita sebagai pengguna perlu peka terhadap perkara sebegini supaya tidak terus menjadi mangsa dalam urusan jual beli.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Fahami Hak Pengguna dan Peniaga*’ oleh Pn Noor Hartini Binti Saari, 3 November 2015, <https://www.ikim.gov.my/fahami-hak-pengguna-dan-peniaga/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang akan berlaku sekiranya tiada aduan dikemukakan oleh pengguna?
2. Nyatakan langkah melindungi diri daripada ditindas oleh peniaga.
3. Apakah perkara yang perlu disemak sebelum membeli sesuatu barang?
4. Bagaimanakah cara meningkatkan kefahaman masyarakat tentang hak pengguna?

SET 7

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Yang akan berlaku sekiranya tiada aduan dikemukakan oleh pengguna **para peniaga akan semakin berani melakukan penipuan dan penyelewengan harga secara terang-terangan.**
2. Langkah melindungi diri daripada ditindas oleh peniaga:
 - i. **Pengguna perlu mendapatkan maklumat yang secukupnya mengenai barangan dan perkhidmatan yang akan dibeli dan digunakan.**
 - ii. **Para pengguna juga perlu membuat aduan terhadap peniaga-peniaga yang didapati menipu dan menindas pembeli.**
 - iii. **Para pengguna seharusnya memilih premis perniagaan yang dipercayai dan diyakini amanah.**
3. Perkara yang perlu disemak sebelum membeli sesuatu barang:
 - i. **Harga barang.**
 - ii. **Kualiti dan ketahanan barang.**
 - iii. **Ciri-ciri atau spesifikasi produk.**
 - iv. **Ulasan dan penilaian pengguna lain.**
 - v. **Jaminan atau waranti produk.**
 - vi. **Syarikat pengeluar, pengedar dan penjual.**
 - vii. **Dasar pemulangan dan bayaran balik.**
 - viii. **Kos tambahan seperti caj penghantaran, cukai, atau yuran perkhidmatan.**
 - ix. **Pastikan barang yang ingin dibeli benar-benar diperlukan.**
 - x. **Tarikh luput.**
 - xi. **Verifikasi halal.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

4. Cara meningkatkan kefahaman masyarakat tentang hak pengguna:
 - i. **Kerajaan mengadakan Kempen Hak Pengguna.**
 - ii. **Masyarakat menghadiri Kempen Hak Pengguna.**
 - iii. **Media massa menyiarkan iklan kesedaran tentang hak pengguna.**
 - iv. **Pihak sekolah mengajarkan hak-hak pengguna kepada murid sejak di bangku sekolah.**
 - v. **Badan Bukan Kerajaan menganjurkan seminar, bengkel dan ceramah tentang hak pengguna.**
 - vi. **Kerajaan menyediakan laman web dan aplikasi maklumat pengguna.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 8

NASKHAH CALON

BAJU KURUNG TELUK BELANGA

Baju kurung Teluk Belanga sangat sinonim dengan negeri Johor. Sehingga kini, busana warisan ini terus menjadi pilihan masyarakat untuk dipakai semasa musim perayaan dan di majlis-majlis. Nama baju kurung Teluk Belanga diabadikan sebaik sahaja Inggeris menyerahkan Teluk Belanga, Singapura kepada Sultan Abu Bakar pada tahun 1862. Jika diteliti, terdapat elemen pesak dan kekek pada potongan baju, jahitan tulang belut pada bahagian leher serta dikancing dengan satu butang sahaja menambah keistimewaan tersendiri kepada busana ini. Busana ini secara tradisionalnya mempunyai potongan besar yang melambangkan kesopanan orang Melayu. Kini, baju kurung Teluk Belanga ini diberikan sentuhan moden untuk menarik minat generasi muda agar terus mengenakan busana ini bukan sahaja di majlis-majlis bahkan di tempat kerja dan di tempat awam. Namun, diharapkan perubahan moden ini tidak terlalu keterlaluan sehingga mengubah ciri-ciri dan tujuan sebenar baju kurung Teluk Belanga.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Sejarah Pakaian Tradisional Melayu*” oleh Rosman Hashimy, 23 Disember 2018, <https://www.omarali.com.my/sejarah-pakaian-tradisional-melayu/>)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

SET 8

NASKHAH PENTAKSIR

BAJU KURUNG TELUK BELANGA

Baju kurung Teluk Belanga sangat sinonim dengan negeri Johor. Sehingga kini, busana warisan ini terus menjadi pilihan masyarakat untuk dipakai semasa musim perayaan dan di majlis-majlis. **Nama baju kurung Teluk Belanga diabadikan sebaik sahaja Inggeris menyerahkan Teluk Belanga, Singapura kepada Sultan Abu Bakar pada tahun 1862.** Jika diteliti, terdapat elemen pesak dan kekek pada potongan baju, jahitan tulang belut pada bahagian leher serta dikancing dengan satu butang sahaja menambah keistimewaan tersendiri kepada busana ini. **Busana ini secara tradisionalnya mempunyai potongan besar yang melambangkan kesopanan orang Melayu.** Kini, baju kurung Teluk Belanga ini diberikan sentuhan moden untuk menarik minat generasi muda agar terus mengenakan busana ini bukan sahaja di majlis-majlis bahkan di tempat kerja dan di tempat awam. Namun, diharapkan perubahan moden ini tidak terlalu keterlaluan sehingga mengubah ciri-ciri dan tujuan sebenar baju kurung Teluk Belanga.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Sejarah Pakaian Tradisional Melayu*” oleh Rosman Hashimy, 23 Disember 2018, <https://www.omarali.com.my/sejarah-pakaian-tradisional-melayu/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Bagaimanakah nama baju kurung Teluk Belanga diabadikan?
2. Mengapakah baju kurung Teluk Belanga mempunyai potongan yang besar?
3. Nyatakan kesan jika busana tradisional semakin dilupakan.
4. Mengapakah anak muda kini kurang gemar mengenakan busana tradisional di tempat awam?

SET 8

CADANGAN JAWAPAN

CADANGAN JAWAPAN

1. Nama baju kurung Teluk Belanga diabadikan **sebaik sahaja Inggeris menyerahkan Teluk Belanga, Singapura kepada Sultan Abu Bakar pada tahun 1862.**
2. Baju kurung Teluk Belanga mempunyai potongan yang besar untuk **melambangkan kesopanan orang Melayu.**
3. Kesan jika busana tradisional semakin dilupakan:
 - i. **Masyarakat akan kehilangan identiti budaya masing-masing.**
 - ii. **Nilai sejarah dan adat resam akan pudar.**
 - iii. **Kepupusan kemahiran menjahit busana tradisional.**
 - iv. **Industri warisan tempatan terjejas.**
 - v. **Semangat patriotisme akan luntur.**
 - vi. **Melemahkan rasa bangga terhadap budaya tempatan.**
 - vii. **Pengaruh budaya asing semakin menebal.**
 - xiii. **Menyukarkan kempen kebudayaan dan pendidikan budaya untuk mencapai objektifnya.**
4. Sebab anak muda kini kurang gemar mengenakan busana tradisional di tempat awam:
 - i. **Pengaruh gaya hidup moden.**
 - ii. **Menganggap busana tradisional ketinggalan zaman.**
 - iii. **Kurang pendedahan dan pendidikan budaya.**
 - iv. **Faktor keselesaan dan praktikaliti.**
 - v. **Takut diperlekeh kerana mengenakan busana tradisional.**
 - vi. **Kos pembuatan yang mahal.**
 - vii. **Fesyen dan reka bentuk busana tradisional yang tidak kena dengan selera orang muda.**
 - viii. **Kurangnya promosi dan inovasi dalam rekaan.**

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*